

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

→ **Datuk Lee Chong Wei**  
 Pemain badminton  
 nombor satu dunia



**👍** Ketika bersekolah; saya banyak habiskan masa bermain bola keranjang. Biarpun di bawah sinar matahari, saya tetap turun ke gelanggang untuk bermain bola keranjang”

**👍** Bapa berpendapat, peluang dan potensi untuk sukan bola keranjang di negara ini sangat terhad. Jadi tidak perlu membuang masa jika hanya sekadar beriadah. Lebih baik saya fokus kepada badminton”

**👍** Kesungguhan bapa setiap hari menghantar saya ke sesi latihan menggunakan motosikal, tidak kira panas atau hujan, menjadi memori paling manis buat saya”

# Larangan bapa dorong kuasai sukan badminton

sulitan hidup tidak menghalang saya bermain badminton. Setiap hujung minggu, saya mengambil raket bapa tanpa pengetahuannya dan bermain dengan rakan lain.

Saya tidak pernah meninggalkan bola keranjang walaupun seronok bermain badminton. Saya tetap bermain bola keranjang setiap tengah hari. Memandangkan kerap bermain di bawah terik matahari, kulit saya semakin gelap hinggakan perkara itu disedari seorang jiran di rumah saya.

Dia menegur dan bertanyakan kepada ibu mengapa membiarkan saya bermain ketika cuaca panas sehingga kelihatan seperti anak orang India.

ngan alasan waktu kerjanya tidak tetap dan sukar untuk menghantar dan menjemput saya dari latihan.

Namun, Eng Huat tidak berputus asa dan memaklumkan kepada bapa yang dia boleh menghantar saya pulang selepas latihan. Bapa cuma perlu hantar saya ke tempat latihan. Bapa akhirnya bersetuju.

Itulah detik yang paling bermakna dalam hidup saya. Inilah peluang yang saya nantikan selama ini dan saya mula menjalani latihan di SJKC Perkampungan Berapit. Di sinilah permulaan kerjaya saya sebagai pemain badminton sehingga hari ini.

BH  
25/12/16

Sukan bola keranjang adalah segala-galanya bagi saya sebelum saya terbabit secara serius dengan badminton. Saya juga mewakili sekolah dalam acara bola keranjang di peringkat sekolah rendah. Saya memang meminati sukan ini.

Selain bersekolah, saya banyak menghabiskan masa bermain bola keranjang. Saya seorang budak lelaki yang sangat cergas dan seperti tidak pernah kehabisan tenaga. Biarpun di bawah sinar matahari, saya tetap turun ke gelanggang untuk bermain bola keranjang.

Saya mula mengenali badminton menerusi seorang rakan di sekolah. Ketika itu saya berada di Tahun 4 pada 1992. Mu Jia, seorang pemain yang hebat dalam badminton bersungguh-sungguh mengajak saya dan rakan lain untuk menyertainya bermain badminton.

Bagi kanak-kanak lelaki yang sangat aktif, kami bersetuju dan mengikutnya bermain badminton selepas waktu sekolah. Kami bermain dalam dewan serbaguna sekolah kami.

Bagi pemain yang baharu, ia se-

benarnya bukanlah permainan yang sukar, kami dapat menguasai teknik pukulan dengan pantas.

Sejak itu, kami kerap bermain bersama dan tahap permainan saya meningkat. Pada tahun yang sama, saya menyertai pertandingan badminton buat kali pertama dan muncul sebagai juara peringkat sekolah.

Waktu itu memang bangga kerana saya menerima piala kemenangan ketika waktu perhimpunan sekolah. Itulah kejayaan pertama saya dalam badminton.

### Kekangan kewangan

Tidak lama selepas itu, saya dan Mu Jia mewakili sekolah dan menyertai beberapa pertandingan. Jurulatih Mu Jia, Teh Eng Huat dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Perkampungan Berapit menyedari bakat saya dan mahu menjadi jurulatih. Saya meminta izin ibu tetapi dia tidak membenarkannya dengan alasan saya masih muda.

Bapa juga melarang. Walaupun mereka tidak menjelaskan perkara sebenar, tetapi saya faham situasi kewangan tidak mengizinkan untuk mereka menampung yuran latihan saya. Namun, ke-

pedas sungguh teguran itu. Ibu malu dan melarang saya bermain lagi. Dia mahu saya duduk di rumah. Saya berjanji tetapi tidak pernah mengotakannya dan masih keluar bermain bola keranjang seperti biasa.

Ibu mengadu kepada bapa mengenai sikap saya itu dan bapa sangat marah. Dia memberi amaran kepada saya 'jika kau bermain bola keranjang lagi, ayah patahkan kaki kau'.

### Bapa ajak main badminton

Tidak lama selepas itu, bapa mengajak saya mengikutnya bermain badminton. Sejak itu, saya mula serius dengan sukan badminton. Bapa berpendapat, peluang dan potensi untuk sukan bola keranjang di negara ini sangat terhad. Jadi tidak perlu membuang masa jika hanya sekadar untuk beriadah. Lebih baik saya fokus kepada badminton.

Mulai detik itu, saya menjadi pengikut setia bapa ke gelanggang badminton setiap petang. Pada suatu hari, Eng Huat yang menjadi pengaruh paling besar dalam kerjaya saya sebagai pemain badminton bertemu bapa.

Dia memaklumkan yang saya berbakat dan mempunyai harapan untuk menjadi pemain berpotensi. Dia bersungguh-sungguh mahukan saya menjadi pelatihnya.

Namun, bapa tidak bersetuju de-

Sejak itu, badminton menjadi fokus utama saya. Saya tidak pernah gagal untuk menghadiri sesi latihan selama enam tahun sehingga saya menyertai skuad kebangsaan.

Setiap kali memejamkan mata, saya masih membayangkan stadium sukan dengan gelanggang di tengah-tengahnya.

Saya boleh mendengar bunyi geseran tapak kasut di lantai beserta bunyi pukulan bulu tangkis yang kuat dan penuh bertenaga.

Kesungguhan bapa setiap hari menghantar saya ke sesi latihan menggunakan motosikal, tidak kira panas atau hujan, menjadi memori paling manis buat saya.

Namun, tidak ramai ibu bapa memberi sokongan kepada anak mereka untuk menjalani latihan. Mereka lebih mementingkan pelajaran di sekolah berbanding latihan yang tidak menjamin masa depan.

Jika mahukan anak berjaya dalam badminton, tiada jalan pintas kecuali membiarkan mereka menjalani latihan secara berterusan.

➔ ASEAN menyambut ulang tahun ke-50 tahun depan. Tetapi banyak isu perlu ditangani, terutama isu Rohingya. Akan tetapi tindakan Myanmar bukan lagi boleh diambil kira sebagai isu dalaman sebuah negara. Pelajar Tahun Akhir, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM, **Idi Amin Zainuddin** mengupas lanjut isu berkaitan, Selasa ini.